

18810000

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Skim Amanah Saham Nasional:

Kajian Mengenai Telahan , Kadar Pertumbuhan,
Hubungan Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Jumlah
Pelaburan Sejak April 1981.

Tesis Ini Diajukan Kepada
Kajian Sains Matematik Dan Komputer
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Untuk Mendapatkan
Diploma Lanjutan Statistik

ROSLINA BINTI GHAZALI

November , 1988

KANDUNGAN

Muka surat

Senarai Graf	vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Lampiran	viii
Penghargaan	xi
Abstrak	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Dasar Ekonomi Baru	2
1.2 Skim Amanah Saham Nasional	4
BAB 2 LATARBELAKANG KAJIAN	6
2.1 Objektif Kajian	7
2.2 Kepentingan Kajian	9
BAB 3 METODOLOGI	11
3.1 Sumber Data	12
3.2 Kaedah Penganalisisan Data	13
3.2.1 Analisis Data Siri Masa	13
3.2.2 Peringkat - peringkat Dalam Penganalisisan Data Siri Masa	16

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya jua, saya dapat menyiapkan tesis ini. Usaha ini tidak mungkin menemui penghujungnya tanpa bantuan daripada orang perseorangan serta pihak-pihak tertentu. Di sini ingin saya melahirkan rasa terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada:-

- Puan Sharifah Sakinah selaku penyelia tesis ini. Tanpa tunjuk ajar dan nasihat beliau pasti saya menghadapi kesukaran.
- Pihak ASNB khususnya Puan Mariam di atas kerjasama beliau menyediakan maklumat dan data-data.
- Pihak MARA di atas pinjaman yang diberikan untuk membiayai pengajian saya
- Akhir sekali kepada mak, adik-beradik dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi dorongan dan perangsang untuk terus belajar. Semuga Allah s.w.t mengurniakan kesihatan dan kegembiraan hidup kepada mereka.

ABSTRAK

Analisis ini dijalankan ke atas Skim Amanah Saham Nasional dan tujuan utama analisis ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti model arah aliran bagi data nyahmusim jumlah pelaburan dan data nyahmusim bilangan pelabur. Model yang dikenalpasti kelak boleh digunakan untuk membuat telahan mengenai jumlah pelaburan dan jumlah bilangan pelabur.

Analisis ini juga melibatkan kadar pertumbuhan jumlah pelaburan, hubungan di antara dividen dan jualan balik, ujian tak bersandaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah pelaburan sejak April 1981.

Hasil daripada analisis ini, didapati jumlah pelaburan dan jumlah bilangan pelabur akan terus meningkat pada masa yang akan datang. Peratus kadar pertumbuhan agak rendah dan pihak ASNB perlu mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasi masalah ini. Faktor-faktor seperti umur, jantina dan pekerjaan adalah faktor-faktor yang paling kuat mempengaruhi jumlah pelaburan seseorang itu sejak April 1981.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 DASAR EKONOMI BARU

Dasar pembangunan di Malaysia berhubung kait dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dibentuk selepas kejadian 13 Mei 1969. Penekanan utama diberikan dalam pembangunan sosial dan pengagihan pendapatan dan peluang-peluang yang lebih adil bagi tujuan kemajuan dan perpaduan negara.

DEB diisytiharkan untuk mencapai dua matlamat utama. Pertama untuk mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan tahap pendapatan dan menambahkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Kedua untuk mempercepatkan proses menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi dengan mengurangkan dan seterusnya menghapus pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi.